

LGBT perilaku terkutuk, dilaknat

KOSMO 25/09/2018 M/S 13

SHAH ALAM - Gaya hidup dan perilaku golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang semakin menjadikannya ketika ini merupakan perbuatan terkutuk, berdosa besar dan dilaknat Allah SWT.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menegaskan perkara tersebut melalui khutbah Jumaat di seluruh negeri semalam berikutan tindak-tanduk kumpulan LGBT yang dilihat semakin berani menuntut hak mereka.

Dalam khutbah di Masjid Negeri, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang dibacakan oleh khatib Abu Dzar Adanan, beliau mengingatkan umat Islam tentang azab serta bala yang ditimpakan ke atas umat terdahulu akibat perbuatan terkutuk itu.

"LGBT adalah perbuatan mungkar yang dilaknat dan diharamkan Allah sama ada dilakukan secara terbuka atau sembunyi.

"Ia juga merupakan perbuatan dosa besar yang menyalahi hak kemuliaan seseorang manusia kerana menafikan hak berhubungan melaku-



GOLONGAN LGBT kini berani menuntut hak-hak mereka walaupun ia bertentangan dengan kehendak agama.

- Gambar hiasan.

lui perkahwinan yang sah dan diiktiraf oleh syarak sebagai suami isteri.

"Perbuatan yang terkutuk ini bukan sahaja dilarang bahkan diharamkan, malah langkah-langkah awal ke arah itu juga dilarang oleh Rasulullah SAW," ucap khatib.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut berkenan berangkat menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut bersama Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd. Tamyas Abd. Wahid dan Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim.

Dalam pada itu, khutbah Jumaat juga mendedahkan, berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pada 2013, tiga peratus atau 173,000 rakyat di negara ini didapati sudah terlibat dalam gejala LGBT.

Selain itu, laporan Kementerian Kesihatan pula mendedahkan, sebanyak 3,347 kes HIV baharu dicatatkan pada 2017 dan daripada jumlah tersebut, 1,697 kes adalah melibatkan individu yang mengamalkan LGBT.